

PM: Kerajaan kaji kerakyatan kehormat kepada rakyat asing

UM 1 1 OCT 2002
Oleh ASUKI ABAS

PETALING JAYA 10 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk memberikan status kerakyatan kehormat kepada orang asing yang mahu menyumbang kepada ekonomi Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, negara ini harus fleksibel dalam isu kerakyatan terutamanya dalam memberikan pengiktirafan terhadap sumbangan warga

asing terhadap kesejahteraan negara.

“Banyak negara yang menganugerahkan kerakyatan kepada orang luar yang memberikan sesuatu kepada kesejahteraan negara mereka... jadi kita sedang memikirkan untuk membuat perkara yang sama.

“Sebab itu kita sedang mengkaji untuk memberikan kerakyatan kehormat kepada mereka yang berniat untuk tinggal di sini dan menyumbangkan kepada ekonomi kita,” ujarnya.

Perdana Menteri menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada persidangan sehari Mencontohi Korea Selatan - Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Dinamik di Pusat Konvensyen Sunway di sini hari ini.

Tambah beliau, kajian perlu bagi memastikan sama ada pindaan perlu dibuat terhadap perundangan negara ini bagi memberikan anugerah tersebut.

Perdana Menteri berkata, ke-

rakyatan kehormat berbeza dengan migrasi perniagaan seperti yang ditawarkan oleh beberapa negara lain yang menetapkan pembawaan masuk jumlah wang tertentu bagi mendapatkan kerakyatan.

“Ia berbeza daripada migrasi perniagaan (yang ditawarkan Australia), kita pun ada sesuatu hampir sama yang menawarkan taraf penduduk tetap,” katanya.

Terdahulu pada sesi dialog, Dr. Mahathir berkata, kerajaan

■ Lihat muka 9

PM: Kerajaan kaji kerakyatan kehormat kepada rakyat asing

perlu mengkaji berdasarkan kes sebelum memberikan status kerakyatan kepada sesiapapun sahaja termasuk warganegara maju.

“Memang kita membenarkan orang luar datang ke sini malah (untuk memberikan kerakyatan) kita sedia menimbang secara kes demi kes.

“Kita mahu mereka yang bertanggungjawab sahaja, kita tentunya tidak mahu *hippi-hippi Korea* pula yang datang ke sini,” katanya.

Mengenai fungsi media dalam pembangunan negara, Dr. Mahathir berkata, pengamal-pengamal media perlu bertanggungjawab dan seimbang dalam laporan mereka supaya tidak menjejaskan kestabilan masyarakat.

“Pihak media boleh menjana rakyat supaya berusaha mencapai kejayaan tetapi kadang-kadang mereka lebih suka memfokus ke atas isu-isu kontroversi bagi menjual penerbitan mereka.

“Jika media melakukan perkara yang bersifat memikirkkan diri sendiri sahaja seperti ini,

mereka itu samalah sahaja dengan orang-orang yang mereka kritik,” kata Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, tambah beliau, media bukan sahaja perlu mengkritik apa yang salah tetapi juga melaporkan dan menghargai apa yang telah dilakukan dengan betul.